

JAWATAN KOSONG

Projek The Malaysian Cohort (TMC) yang berurusetia di Institut Biologi Molekul Perubatan UKM (UMBI), Cheras Kuala Lumpur merupakan satu projek penyelidikan kebangsaan yang telah diluluskan oleh Kabinet. Kami menjemput anda **WARGANEGARA MALAYSIA, BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS** yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

Jawatan : Pembantu Setiausaha Pejabat N19
Taraf jawatan : Kontrak
Tarikh Iklan : 8 September 2023 hingga 14 September 2023

Syarat-syarat lantikan:

- i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) atau
- ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau
- iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80) dan
- iv. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat tambahan :

- i. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- ii. Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta menjalankan tugas lain tanpa/ di bawah pengawasan yang minimum dari semasa ke semasa.

Deskripsi Tugas :

- i. Bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail Ketua Projek TMC.
- ii. Memastikan semua keperluan rasmi Ketua Projek TMC dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.
- iii. Mengendalikan segala panggilan telefon yang diterima setiap hari, menyaring panggilan telefon pelanggan, menangani segala pertanyaan dan pesanan dengan baik.
- iv. Menguruskan perolehan, bayaran bil, tuntutan dan hal kewangan lain yang berkaitan.
- v. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Calon yang berminat dan berkelayakan, sila hantarkan [resume/CV terkini dan salinan sijil akademik](#) anda ke afifah_aa@ukm.edu.my **ATAU**

Sekretariat The Malaysian Cohort
Tingkat 7, Institut Biologi Molekul Perubatan UKM (UMBI)
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak
56000 Cheras, Kuala Lumpur
(u.p Bahagian Pentadbiran/ Perjawatan)